

# Graduan usahawan mesti manfaat ilmu

BH 1/02/07 M/S 11

**S**ARANAN kerajaan melalui Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi agar siswazah menganggur menceburi bidang perniagaan amat tepat dan harus disahut dengan serius.

Pertambahan dari segi bilangan siswazah yang tamat pengajian dengan peluang pekerjaan yang sesuai dengan mereka kini melebar dan jika tidak ditangani bakal berlaku lambakan dan pembaziran modal insan yang serius.

Walaupun kini beberapa institusi pengajian tinggi (IPT) sudah mewujudkan pengajian bermodul keusahawanan, usaha ini dilihat masih lemah pelaksanaannya dan tidak dijalankan secara bersungguh-sungguh sama ada pihak universiti mahupun komitmen pelajar itu sendiri.

Naluri berniaga harus ditanam sejak kecil, pendedahan dan pembabitkan perniagaan ibu bapa atau keluarga mampu mendorong minat kepada anak yang seterusnya mampu merancang pendidikan di IPT dengan memilih jurusan yang sesuai dengan minat berkenaan.

Inilah yang sebenarnya langkah terbaik mengoptimumkan modal insan di mana bidang perniagaan yang diceburi berdasarkan merit dan kebolehan sebenar individu tertentu. Rakan mereka yang sudah berjaya dan banyak pengalaman dalam perniagaan selalu berpesan 'berniagalah mengikut apa yang kamu pandai'.

Moral dan teladan ini banyak kebenarannya. Adalah amat berisiko tinggi jika siswazah yang tiada langsung asas perniagaan, berniaga pula dalam bidang yang dia sendiri tiada kemahiran, diberi pula pinjaman perniagaan khusus di bawah skim siswazah.

Dikhuatiri pinjaman berkenaan akan memakan diri siswazah itu lantaran perniagaan yang gagal diuruskan dengan baik.

Sehingga kini masih tiada lagi ang-

ka rasmi yang membabitkan siswazah yang diisytihar muflis atau disenaraihitamkan oleh agensi kerajaan. Namun diyakini ramai juga di kalangan siswazah ini yang gulung tikar akibat tidak menerima bimbingan secara berterusan daripada agensi yang mengeluarkan pinjaman.

Pernah saya kemukakan persoalan kepada Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi Datuk Dr Adham Baba, kenapa tidak kita wujudkan lebih banyak tempat di IPT untuk jurusan kritikal yang permintaan pasarannya amat tinggi.

Contohnya siswazah di bidang profesional seperti doktor perubatan, farmasi, optometri, pergigian, guaman, arkitek, veterinar dan banyak lagi membuktikan usaha mereka tidak sia-sia.

Di samping mereka dapat mengamalkan apa yang mereka belajar dalam perniagaan, usaha ini juga mampu memartabatkan usahawan Bumiputera setanding bangsa lain. Sehingga kini saya masih menanti jawapan daripada Kementerian Pengajian Tinggi dan saya berasakan sudah sampai masanya kerajaan menawarkan jurusan yang mempunyai pasaran tinggi berbanding pelajar memilih sendiri jurusan yang mereka mahu.

Keusahawanan adalah kerjaya pilihan yang tidak mungkin boleh dijayakan sekelip mata. Jatuh bangun berniaga memerlukan semangat kental, pengalaman dan kemahiran tinggi mengurus krisis.

Jika tidak wujud peluang kedua bagi mereka yang sudah gagal dan disenaraihitamkan, adalah tidak bermakna lagi bagi usahawan berkenaan walaupun sudah bergelar graduan.

**SAMSUDIN ISMAIL,**  
*Alumni Optometri Universiti  
Kebangsaan Malaysia (UKM),  
Skudai, Johor Bahru.*